

Dr. Mahathir lancar kebijakan pelajar KTK

SEREMBAN 27 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan melancarkan Tabung Kebajikan Pelajar Kolej Tuanku Kurshiah (KTK) pada majlis makan malam di Hotel Hilton di sini, Ahad ini.

Pengetua kolej berkenaan, Rokiah Alias berkata, tabung yang diusahakan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) KTK itu telah ditubuhkan sejak tahun lalu.

Kenamaan lain yang dijangka turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Hasmah Ali, Menteri Besar, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad dan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad.